

Pemimpin masyarakat Islam ingin kerjasama dengan rakan sejawat bukan Islam tangani ancaman ISIS

30 Nov 2014

BeritaHarian

BEBERAPA pemimpin masyarakat Islam ingin meneroka dan mempertingkatkan usaha sama dengan pemimpin bukan Islam dalam usaha menentang ancaman kumpulan militan Negara Islam Iraq dan Syria (ISIS).

Usaha juga perlu dipertingkat untuk membantu mangsa konflik ganas di kededua negara Timur Tengah itu.

Ditemui di penghujung sesi dialog tertutup bersama pemimpin masyarakat dan agama mengenai keprihatinan Singapura tentang konflik di Iraq dan Syria, semalam, Setiausaha Kehormat Persatuan Ulama dan Guru-Guru Agama Islam Singapura (Pergas), Ustaz Muhammad Zahid Mohd Zin, berkata usaha meningkatkan kesedaran tentang ancaman kumpulan militan ISIS sedang giat dijalankan asatizah muda bersama belia Islam setempat.

"Kami menyuruh mereka melihat kejadian yang terjadi ini daripada sudut yang boleh membangunkan insan dan bukan merobohkan atau menjahanamkan kemanusiaan. Kami juga masukkan kedalam hati mereka lensa sebenar Islam dalam menghadapi masalah, dan juga cara-cara kenabian – bagaimana Nabi Muhammad saw menangani masalah-masalah ini – dalam kehidupan mereka," kata Ustaz Zahid, yang juga Ketua Khidmat Kemanusiaan Bapa.

Beliau dan rakan-rakan asatizahnya mendampingi belia menerusi kuliah mingguan, Hero Class, yang dianjurkan kumpulan belia, Syabab SG, yang Berjaya menarik sekitar 800 belia setiap minggu.

Ustaz Zahid berkata terdapat beberapa pemimpin agama lain yang telah meluahkan minat untuk beliau dan asatizah lain berikan kata-kata motivasi dan mempromosikan lensa rahmah di kalangan belia di bawah naungan mereka.

"Saya juga bersetuju bahawa ini adalah satu perkara yang bukan setakat perlu ada kepada masyarakat Islam bahkan kepada belia secara umum. Mungkin mereka boleh bantu saya mendekati belia yang belum lagi dapat saya capai," kata Ustaz Zahid.

Dari segimen ghulurkan bantuan untuk mangsa keganasan, Pengasas dan Pengarah Urusan Pusat Pendidikan Simply Islam, Encik Mohamed Nassir Abdul Sukkur, berkata sebuah sekolah sudah dibangunkan untuk beberapa ratus kanak-kanak pelarian Syria di Turkey dan ia akan dibuka minggu depan.

Pembinaan sekolah itu antara usaha Projek Bantuan bagi Pelarian Syria di Turkey (Asrit) yang diterajui pusat pendidikan Simply Islam dan Rangkaian Ekspatriat Muslim (MEX).

"Untuk pelarian Syria hidup di negara lain seperti di Turkey atau Jordan, mereka perlu mencari sumber kehidupan seperti pekerjaan dan sebagainya. Anak-anak mereka harus ke sekolah. Itu semua memerlukan wang," kata Encik Nassir.

Asrit turut member bantuan lain seperti makanan dan keperluan rumah setiap bulan.

"Itu apa yang kami mampu kerana dana kami datang daripada masyarakat Islam dan bukan Islam di Singapura yang telah menderma kepada Asrit. Kami gunakan dana itu untuk mendapatkan keperluan tersebut, dan juga untuk pendidikan mereka di sekolah, bukan saja yang kami bina tetapi juga di beberapa sekolah lain yang kami sokong," kata Encik Nassir.

Pengarah Urusan Qiswah, Encik Muhammad Khalid Ibrahim, pula berkata pihaknya akan mengirinkan sebanyak 5,000 selimut kepada pelarian konflik Syria yang berada di Turkey pada pertengahan bulan depan.

Qiswah sebuah badan yang memberitumpuan kepada pembangunan watak masyarakat Islam.